

20/04/2001

Suhakam adakan 13 sesi dialog dengan 33 kementerian

SURUHANJAYA Hak Asasi Manusia (Suhakam) sudah mengadakan 13 sesi dialog membabitkan 33 kementerian dan agensi kerajaan, 34 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), media serta pertubuhan politik sehingga 31 Disember lalu.

Perjumpaan awal diadakan dengan tiga NGO pertubuhan hak asasi manusia utama di sini iaitu Persatuan Hak Asasi Manusia Malaysia (Hakam), Suara Rakyat Malaysia (Suaram) dan Aliran Kesedaran Negara (Aliran).

Selain itu, satu sesi dialog khas turut diadakan dengan pihak polis, yang diketuai Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Inisiatif mewujudkan suruhanjaya itu terhasil berikutan pembabitan negara secara giat dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) antara 1993 hingga 1995.

Dalam tempoh itu, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melantik Malaysia menganggotai UNHCR dan pada 1995, ketua delegasi negara, Tan Sri Musa Hitam, dipilih sebagai pengerusi sesi ke-52 UNHCR.

Pada 24 April 1999 iaitu lima tahun selepas penubuhan suruhanjaya hak asasi mula diperkatakan, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memaklumkan rang undang-undang mengenainya akan dibentang di Parlimen.

Seterusnya, pada 24 April 2000, lahirlah Suhakam mengikut peruntukan Akta Suhakam 1999 yang diwartakan pada 9 September 1999 dengan Musa selaku pengerusinya yang pertama.

Anggota lain termasuk Prof Chiam Heng Keng, Datuk Lee Lam Thye, Tan Sri Harun Hashim, Datuk K Pathmanaban, Zainah Anwar, Mehrun Siraj, Datuk Mahadev Shankar, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, Prof Hamdan Adnan, Tan Sri Simon Sipaun, Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah dan Datuk Dr Salleh Mohd Nor.

Pelantikan mereka, yang berkuatkuasa untuk tempoh dua tahun, dilakukan oleh Yang DiPertuan Agong berdasarkan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)